

**ARTIFAK BUDAYA MASYARAKAT IBAN:  
WARISAN DAN PUSAKA  
CULTURAL ARTEFACTS OF THE IBAN:  
HERITAGE AND HEIRLOOM**

GREGORY KIYAI @ KEAI<sup>1</sup> NORIA TUGANG<sup>2</sup>

<sup>1&2</sup>Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, 94300 Universiti Malaysia Sarawak

<sup>1</sup>gregory\_kiyai@yahoo.com <sup>2</sup>noria@unimas.my

Tarikh dihantar: 16 Februari 2020 / Tarikh diterima: 1 April 2020

**ABSTRAK** Masyarakat Iban di Sarawak kaya dengan pelbagai warisan dan budaya yang diwarisi sejak zaman-berzaman oleh nenek moyang mereka. Kebudayaan Iban terdiri dari dua aspek yang berbeza iaitu ‘Warisan’ dan ‘Pusaka’. Warisan adalah merujuk kepada kemahiran tradisi, kepercayaan dan estetika seni dalam budaya yang ditinggalkan oleh *Petara* (Tuhan) kepada masyarakat Iban, manakala *Pusaka* adalah lebih kepada pemilikan individu dan bersifat materialistik semata. Namun demikian, kedua-dua elemen ini mempunyai signifikan yang sangat penting dalam budaya Iban hingga hari ini. Makalah ini memfokuskan kepada artifak budaya masyarakat Iban dan mengklasifikasikan terma warisan dan pusaka. Kaedah penyelidikan kualitatif, iaitu kolektif memori dan temu bual bersama pakar budaya Iban digunakan sebagai metode utama kajian.

**Kata kunci:** Adat, budaya, Iban, pusaka, Sarawak, warisan.

**ABSTRACT** The Iban in Sarawak is abundantly rich with various heritage and cultures inherited from their ancestors. The Iban’s culture stands from two aspects which is Heritage and Heirloom. Heritage refers to the local skills, belief and aesthetic bestowed by the *Petara* (God) to the Iban. While Heirloom is the materialistic belongs to an individual. However, these two elements have great significance in Iban’s culture until today. This paper emphasizes on the cultural artefacts of the Iban and classified them into either Heritage and Heirloom. This research using a qualitative method which is a collective memory and interview with the expert in Iban culture.

**Keywords:** Custom, culture, Iban, heirloom, Sarawak, heritage.

## PENGENALAN

Warisan adalah tinggalan yang diwarisi sejak turun-temurun. Selalunya, warisan yang diturunkan merangkumi elemen budaya seperti objek, seni, linguistik, kulineri tradisional, kearifan tempatan, adat dan busana tradisional. Selain itu, warisan juga boleh membawa kepada pengertian yang lebih besar seperti warisan sejarah, warisan semula jadi dan warisan budaya. Warisan mempunyai makna yang setara dengan perkataan pusaka. Warisan merangkumi aspek budaya, alam semula jadi dan entiti politik yang diturunkan kepada sebuah entiti dalam kelompok yang besar seperti etnik dan negara. Pusaka pula adalah harta benda yang diwariskan kepada ahli keluarga atau individu yang mempunyai pertalian darah yang dekat.

## METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif berasaskan kerja lapangan dan penglibatan turut serta. Kaedah kualitatif ini bertujuan untuk memerhatikan dan menganalisis budaya serta tingkah laku sesebuah etnik dalam penyelidikan yang berkaitan dengan warisan dan sejarah. Selain itu, penyelidikan ini turut melakukan temu bual bersama informan untuk mendapatkan sumber maklumat sebagai dapatan penyelidikan, iaitu melalui kaedah *collective memory* serta sumber lisan tradisional. Bagi mengukuhkan penyelidikan ini, beberapa buah buku dan jurnal yang berkaitan telah digunakan sebagai sorotan kepustakaan. Alat bantuan penyelidikan seperti kamera dan perakam suara digunakan bagi mendokumentasikan beberapa buah artifak Iban.

## KAJIAN LEPAS

Menurut Burhanuddin Arafah (2015), masyarakat terbentuk melalui sejarah yang panjang, tapak demi tapak, bahkan menerusi *trial* dan *error*. Pada titik-titik tertentu terdapat peninggalan yang wujud atau terakam sehingga kini, kemudiannya menjadi warisan budaya. Menurut Davidson (1991), warisan budaya ditakrifkan sebagai produk atau hasil budaya fizikal dari tradisi-tradisi yang berbeza serta prestasi-prestasi spiritual dalam bentuk nilai dari

masa lalu yang menjadi elemen asas dalam jati diri sesuatu kelompok atau bangsa. Fenomena tersebut membentuk cabang warisan budaya yang terdiri daripada warisan ketara dan tidak ketara. Sementara itu, Sullivan (2016) mengatakan warisan budaya adalah peninggalan artifak fizikal dan ciri tidak ketara sesebuah kelompok atau masyarakat yang diwarisi dari generasi dahulu, dikekalkan pada masa kini serta dipelihara untuk masa akan datang. Menurut Arwan dan Ahimsa (2004), terdapat empat jenis simbol atau ikon yang dapat dikenal pasti dan dikategorikan sebagai warisan budaya. Simbol dan ikon warisan yang dimaksudkan ialah;

- i. Benda-benda fizikal atau *material culture* yang merangkumi seluruh objek hasil ciptaan manusia yang terdiri daripada objek yang bersaiz agak kecil sehingga objek yang sangat besar.
- ii. Pola-pola perilaku yang merujuk kepada adat istiadat sebuah kebudayaan tertentu.
- iii. Sistem nilai atau pandangan hidup yang merupakan falsafah kehidupan atau kearifan tradisi dari suatu masyarakat dalam memandang atau menilai lingkungan sekitarnya.
- iv. Persekitaran yang boleh menjadi sebahagian daripada tinggalan budaya kerana persekitaran memainkan peranan sebagai bahagian yang tidak dipisahkan bagi mencipta kebudayaan itu sendiri.

Bagi terma pusaka, Resali Muda (2016) mengatakan pusaka merupakan harta yang ditinggalkan oleh seseorang individu yang meninggal dunia untuk diwarisi oleh ahli keluarga dan pihak yang lain. *Kamus Bahasa Melayu Edisi Kedua* (1984) mentakrifkan bahawa pusaka adalah harta yang diwarisi turun-temurun. Masyarakat Iban memiliki beberapa jenis warisan ketara dan tidak ketara. Warisan inilah yang menjadi ikon dan merupakan pusaka yang membentuk identiti mereka sebagai salah satu masyarakat peribumi di Borneo. Hal ini turut diakui oleh Dato' Sri Edmmund Langgu Saga (85 tahun), pakar budaya dan tokoh politik masyarakat Iban mengatakan bahawa masyarakat Iban dikenali dan sinonim dengan artifak-artifak seperti *pua*, *ilang* dan *tajau* dalam amalan budaya. Menurut Burhanuddin Arafah (2015), pewarisan budaya adalah satu proses *transmission of culture*, iaitu proses mewariskan budaya dari satu generasi ke satu generasi melalui proses pembudayaan. Sesuai dengan hakikat dan budaya sebagai milik bersama


masyarakat, maka unsur-unsur kebudayaan itu diwariskan melalui proses belajar dan mempraktikkannya melalui proses enkulturasi (pembudayaan) dan proses sosialisasi (belajar atau mempelajari budaya). Oleh itu, makalah ini membincangkan tentang artifak budaya yang menjadi warisan dan pusaka masyarakat Iban di Sarawak.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Masyarakat Iban di Sarawak memiliki rencam budaya yang begitu dinamik dan komprehensif. Mereka mempunyai daya intelektual yang tinggi dalam mewujudkan adat, budaya dan warisan bagi membentuk identiti dan jati diri. Elemen-elemen budaya ini terus wujud dan sentiasa berkesinambungan dalam masyarakat Iban kerana diwarisi dari generasi ke generasi. Walaupun mengalami beberapa perubahan dari segi fungsi, material dan falsafah budaya dalam konteks adat istiadat, kewujudan artifak-artifak budaya ini masih boleh dilihat, disentuh dan dihayati dalam segenap rumah panjang masyarakat Iban di Sarawak.

### Warisan

Warisan budaya masyarakat Iban boleh dikategorikan kepada dua bahagian utama, iaitu budaya benda yang melibatkan artifak (warisan ketara) dan budaya bukan benda (warisan tidak ketara) (Tugang, 2011). Warisan ketara mempunyai makna yang amat luas kerana meliputi aspek fizikal yang berkaitan dengan kebudayaan. Artifak budaya ini mempunyai ciri-ciri yang lengkap tentang penggunaannya dan pantang larangnya tersendiri. Pantang larang ini telah diwarisi turun-temurun oleh masyarakat Iban dan menjadi identiti serta jati diri mereka. Warisan tidak ketara pula merujuk kepada tradisi lisan (Kesusasteraan Iban) seperti *ensera*, *sugi*, *entelah* dan *ramban*. Bahkan, pakar linguistik, Freeman (1975) meletakkan masyarakat Iban sebagai *Master of Language* kerana masyarakat Iban bijak dalam menggunakan bahasa di setiap baris ayat, mencipta dan membina penyusunan ayat sesuai dengan bunyi seperti prosa puisi dalam Bahasa Inggeris. Rajah 1 menunjukkan klasifikasi warisan budaya masyarakat Iban.



Sumber: Diubah suai daripada Tugang (2011)

### Rajah 1 Klasifikasi warisan budaya Iban

Warisan masyarakat Iban adalah budaya yang dikongsi bersama dan telah wujud beratus-ratus tahun lalu. Menurut temu bual bersama Dato' Sri Edmmund Langgu anak Saga (85 tahun), pakar budaya dan tokoh politik masyarakat Iban menyatakan bahawa suatu ketika dahulu masyarakat Iban dan *Petara* tinggal berdekatan di sebuah tempat yang disebut sebagai *Tembawai Tampun Juah* di Kalimantan Barat. Jarak hubungan masyarakat Iban dan *petara* diibaratkan senipis kulit terung. Maka, dari saat itulah masyarakat Iban mula belajar dan mempraktikkan segala kemahiran mencipta dan mengolah warisan ketara seperti *ngamboh duku ilang* (menempa besi untuk dijadikan parang *ilang*) dan *ngebat pua* (menenun kain dan *pua*). Walau bagaimanapun, selepas terjadinya konflik di antara *Petara* dan masyarakat Iban, maka berlakulah satu perpecahan yang membawa masyarakat Iban berpindah ke *Merakai*, iaitu sebuah tempat di antara sempadan Sarawak dan Indonesia yang bersempadankan Bukit Kelingkang di Sri Aman. Saat berpisah, *petara* telah meninggalkan pesan dan mewariskan segala budaya dan kemahiran kepada masyarakat Iban agar mereka akan sentiasa mengingati *petara* dan selalu meminta pertolongan apabila ditimpa kesusahan. Warisan yang telah ditinggalkan oleh *Petara* melalui sumber lisan itu tadi telah menjadi teras dan identiti masyarakat Iban sehingga kini, iaitu *pua* (tekstil kain Iban) dan *duku ilang* (parang *ilang*).

## ***Pua***

*Pua* merupakan sejenis tenunan masyarakat Iban. Dalam bahasa Iban, *pua* bermaksud selimut. Menurut Tugang (2016), *pua* mempunyai nilai yang tinggi dan istimewa dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Oleh itu, *pua* dianggap sebagai lambang identiti atau pengenalan diri kepada masyarakat Iban. Masyarakat Iban percaya bahawa *pua* memiliki kuasa spiritualnya yang tersendiri dan mempunyai hubungan dengan kuasa gahib. Tenunan *pua* hanya boleh ditenun apabila seorang wanita itu mendapat perintah dan arahan daripada *petara* melalui mimpi. Dalam menenun tekstil *pua*, terdapat pelbagai pantang larang dalam proses pembuatan dan juga pemilihan corak yang hendak ditenun. Pantang larang tersebut bermula daripada proses membuat benang sehingga kepada proses menenun *pua*.

Terdapat empat jenis *pua* dalam budaya Iban, iaitu *pua kebat*, *pua sungkit*, *pua pilih* dan *pua karap*. Jenis dan identifikasi *pua* ini dibezakan mengikut jenis material dan teknik pembuatannya. Dalam sejarah tekstil Iban, *pua kumbu* merupakan tenunan awal yang dihasilkan oleh wanita Iban dan merupakan artifak yang paling sakral dalam budaya Iban. Fungsi *pua* pada masa dahulu adalah untuk menyambut kepala musuh yang dibawa dari ekspedisi *Ngayau*. Selain itu, *pua* turut berfungsi sebagai busana wanita Iban, iaitu *Ngepan Iban* (dipakai ketika perayaan *Gawai Dayak* dan perkahwinan). Apabila berlaku kematian di rumah panjang, *pua* akan digantung di *ruai* (bahagian depan rumah panjang) untuk dijadikan *Sapat* atau *Pandong* (tirai kain), tujuannya adalah sebagai pengantara kehidupan manusia dan alam kematian. Rajah di bawah menunjukkan *pua kumbu* masyarakat Iban.



Sumber: Tugang (2019).

**Rajah 2** *Pua kumbu*

Menurut Traude (1991: 20–22), golongan wanita Iban pada zaman dahulu diwajibkan mempelajari cara-cara menenun *pua* kerana wanita yang mahir menenun dan menganyam akan diangkat statusnya sebagai Indu Takar (wanita mahir). Mereka yang telah mencapai status *Indu Takar* akan digelar sebagai *Indu Nakar Indu Ngar* atau *Indu Pandai Indu Julai Tau Nacai Gajai Lebor Api* (gelaran bagi wanita Iban yang sudah mencapai status mahir dalam menenun dan menganyam). Tambahan lagi, wanita yang pandai dan mahir menenun dan menganyam akan meningkatkan nilai diri mereka untuk dikahwini oleh lelaki yang berasal dari keluarga yang baik dan berstatus tinggi. Oleh itu, apabila usia anak gadis mereka mencecah usia 10 tahun ke atas, golongan wanita akan menyediakan pendidikan asas seperti mengajar teknik menenun dan menganyam. Mereka mengharapkan segala ilmu dan kearifan tradisi tersebut akan diwarisi oleh anak gadis mereka dan sentiasa berkesinambungan menjadi warisan dan legasi dalam budaya masyarakat Iban.

### ***Duku ilang***

*Duku ilang* (parang *ilang*) merupakan salah satu peralatan perang yang digunakan oleh masyarakat Iban dalam ekspedisi *Ngayau* (*Headhunting*). Melalui temu bual bersama Lemambang (*bard*) Abang anak Enterey (85 tahun), pakar budaya dan susur galur masyarakat Iban mengatakan bahawa masyarakat Iban sememangnya terkenal dengan sifat kepahlawanan yang tinggi. Mereka melakukan ekspedisi *ngayau* sebagai simbol kuasa dan keberanian. Ekspedisi perang atau *ngayau* sangat sinonim dengan kaum lelaki Iban. Individu yang mempunyai teknik peperangan yang efektif akan dilantik menjadi ketua, disanjung dan digeruni oleh masyarakat Iban yang lain. Dahulukala mengikut tradisi lisan orang tua-tua Iban, tujuan masyarakat Iban berperang adalah untuk mendapatkan harta kekayaan dan status sosial, iaitu berdasarkan jumlah kepala musuh yang diperoleh semasa *ngayau*.

Selain kegunaan sebagai logistik perang dalam ekspedisi *ngayau*, *duku ilang* juga berfungsi sebagai artifak budaya dalam upacara ritual masyarakat Iban seperti *miring* dan *belian* (upacara ritual masyarakat Iban) serta sebagai perhiasan dalam *ngepan laki Iban* (busana lelaki Iban). Dalam perubatan tradisional Iban, *duku ilang* yang pernah digunakan memenggal

kepala musuh dipercayai mujarab dalam mengubati penyakit seperti *kayap* (*varicella zoster*) atau *pansa utai* (kerasukan atau histeria) melalui air rendamannya. Selain itu, *duku ilang* juga mempunyai nilai budaya dan estetika yang kuat dalam budaya Iban. Pembuatannya memerlukan kemahiran yang tinggi dalam menempa besi yang berkualiti untuk dijadikan asas parang *ilang*. Dalam membuat *duku ilang*, *tukang kamboh* (pembuat parang) perlu mematuhi adat dan pantang larang bagi mendapatkan *ilang* yang diberkati oleh *petara*. Rajah 3 di bawah menunjukkan *duku ilang* masyarakat Iban.



Sumber: Kerja lapangan, Jabatan Muzium Sarawak (2019)

**Rajah 3** *Duku ilang*

Kaum lelaki Iban akan diajar membuat sendiri *duku ilang* untuk kegunaan peribadi mereka oleh ayah atau datuk mereka semasa usia remaja. Menurut Lemambang Ijau anak Buja (72 tahun), pakar budaya dan susur galur masyarakat Iban, masyarakat Iban yang tekad, bahkan sanggup merantau jauh sehingga ke Indonesia untuk mempelajari seni pembuatan *duku ilang* yang berkualiti. Masyarakat Iban percaya bahawa *duku ilang* ini adalah nyawa mereka. Mereka juga mempercayai bahawa hanya orang yang telah disumpah oleh *antu* (roh) sahaja mampu menghasilkan *duku ilang* yang kebal, sakti dan akan selalu menang semasa melakukan ekspedisi *ngayau*. Kini, walaupun ekspedisi *ngayau* sudah tidak dipraktikkan lagi, penggunaan *duku ilang* dalam budaya Iban masih utuh. Contohnya, *duku ilang* masih lagi digunakan sebagai aksesori busana Iban dan diinovasikan sebagai material kraf tangan dalam industri kraf tangan Iban.



## **Pusaka**

Masyarakat Iban turut memiliki harta keturunan yang disebut pusaka. Pusaka dalam bahasa Iban disebut sebagai *reta tengkira*. Dalam konteks masyarakat Iban, terma pusaka lebih cenderung kepada harta atau artifak yang dikumpulkan secara individu dan diwariskan kepada anak cucu berbanding dengan konsep warisan yang lebih bersifat komuniti dan dikongsi bersama. Harta yang menjadi pusaka bagi masyarakat Iban adalah artifak budaya yang tidak dihasilkan dalam budaya Iban, namun diperoleh dengan cara pembelian, pertukaran barang dan juga pemberian atau upah. Artifak tersebut merangkumi artifak seramik dan artifak yang diperbuat daripada tembaga dan perak. Ciri-ciri utama pengumpulan dan pemilikan artifak budaya dalam masyarakat Iban adalah artifak tersebut mempunyai nilai estetika, bentuk fizikal yang menarik, dapat dijadikan simbol status sosial masyarakat Iban dan diperoleh melalui sistem pembelian dan pertukaran barang dagangan.

## **Artifak seramik**

Pada masa dahulu, masyarakat Iban sering mengusahakan aktiviti penanaman padi huma secara besar-besaran dan selalu berpindah-randah untuk mencari kawasan tanaman yang subur. Menurut Maria anak Liban (79 tahun), salah seorang pakar budaya masyarakat Iban, tujuan utama penanaman ini adalah sebagai bekalan makanan dan komoditi niaga berteraskan beras kepada pedagang China atau kaum lain di Borneo untuk mendapatkan barangan seramik. Kewujudan seramik dari China khususnya, memberikan impak yang besar dalam status sosial masyarakat Iban. *Tajau* dan seramik yang dikumpul akan disusun di atas pelantar yang dibina khas lalu diikat menggunakan rotan atau *wi* (sejenis rotan) agar *tajau* tidak retak dan pecah. Pelantar ini selalunya akan dibina di bilik tengah yang disebut sebagai *bilik besai* dalam bahasa Iban. Menurut Helga Chermi anak Iri (60 tahun), pakar budaya masyarakat Iban, mengatakan bahawa masyarakat Iban yang tidak mempunyai barangan seramik dan *tajau* dalam rumah akan dianggap miskin dan golongan rendah. Mereka akan merasa malu untuk mempelawa sanak saudara dan sahabat-handai datang berkunjung atau berziarah. Mereka meyakini bahawa semakin banyak seramik yang dimiliki oleh sesebuah keluarga tersebut, semakin tinggi taraf status mereka di rumah panjang. Rajah 4 menunjukkan *tajau* di Rh. Rabong, Gensurai Layer, Betong.



Sumber: Kerja lapangan (2019)

**Rajah 4** Tajau di Rh. Rabong, Gensurai Layar, Betong

Selain itu, pengumpulan seramik ini dipengaruhi oleh kewujudan sistem mata wang yang masih belum digunakan secara meluas di Pulau Borneo. Oleh itu, artifak budaya seramik ini digunakan sebagai mata wang utama dalam setiap aktiviti sosial dan ekonomi pada ketika itu. Contohnya dalam hukum adat Iban iaitu *Adat Tusun Tunggu*. *Adat Tusun Tunggu* adalah sistem adat yang digunakan oleh masyarakat Iban di rumah panjang bagi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan dalam hubungan penduduk setempat. Sekiranya didapati penduduk Iban melanggar hukum adat yang telah ditetapkan, mereka akan dikenakan hukuman dan denda seperti yang tertera pada Jadual 1.

**Jadual 1** Bayaran denda hukum *Adat Tusun Tunggu* Iban

Bayaran dan Jenis Tajau	Persamaan Nilai Ringgit
<i>Satu Uta-Uta</i>	RM 0.25 sen
<i>Satu Menukul</i>	RM 0.50 sen
<i>Satu Jabir</i>	RM 1.00
<i>Satu Panding</i>	RM 2.00
<i>Satu Alas</i>	RM 4.00
<i>Satu Alas Ngerang</i>	RM 5.00
<i>Satu Alas Berejang</i>	RM 6.00
<i>Satu Alas Betanduk</i>	RM 7.00
<i>Satu Rusa</i>	RM 8.00
<i>Satu Rusa Lelaki</i>	RM 10.00
<i>Satu Menaga</i>	RM 16.00
<i>Satu Ningka</i>	RM 32.00

Sumber: Diubah suai daripada Tugang (2011)

Menurut Jimbun anak Tawai (65 tahun), penyelidik Majlis Adat Istiadat Pribumi Sarawak mengatakan bahawa masyarakat Iban percaya bahawa barangan seramik ini mempunyai kuasa yang luar biasa dan mampu menolong serta menjadi pelindung kepada diri serta keluarga mereka sekiranya dijaga dengan baik. Oleh itu, dalam menjaga nilai sakralnya, artifak seramik seperti *tajau* dan *pinggai Tuai* ini harus diberikan persembahan yang berisi makanan dan darah ayam kampung bagi mengekalkan kuasa ghaibnya. Menurutnyanya lagi, kepercayaan terhadap kuasa luar biasa yang terdapat dalam seramik ini adalah bergantung pada pandangan individu itu sendiri. Namun demikian, beliau percaya bahawa kehidupan adalah terhasil dari dua perkara, iaitu kepercayaan dan aktiviti ritual. Dalam konteks kepercayaan agama, manusia meyakini bahawa kehidupan ini dicipta oleh Tuhan, manakala kehidupan yang dicipta melalui ritual adalah satu aktiviti yang merujuk kepada tingkah laku manusia yang memuja semangat atau kuasa ghaib melalui artifak budaya untuk tujuan komunikasi, pertolongan dan sumber kekayaan.

Kesemua *tajau* dan seramik yang diperoleh masyarakat Iban akan diwariskan kepada anak cucu mereka. Bahkan, masyarakat Iban percaya apabila mereka meninggal dunia si mati harus membawa *tajau* dan seramik mengikut kemampuan mereka sebagai harta mereka di *Sebayan* (alam kematian). Tujuannya supaya si mati tidak berasa malu dan rendah diri apabila berhadapan dengan nenek moyang di alam *Sebayan*.

### **Tembaga dan perak**

Selain barangan seramik, artifak budaya yang diperbuat daripada tembaga dan perak juga mempunyai nilai yang signifikan dalam budaya masyarakat Iban. Penggunaan artifak tembaga seperti *gong*, *baku* (tepak sirih) dan beberapa aksesori perak dalam *ngepan iban* (baju tradisional Iban) merupakan harta pusaka yang diwarisi turun-temurun dalam salasilah keluarga Iban di Sarawak. Menurut Dato' Sri Edmmund Langgu anak Saga (85 tahun), suatu masa dahulu, masyarakat Iban akan mengupah bangsa *memaloh* (salah satu suku di Kalimantan Barat, Indonesia) untuk menempa barangan yang diperbuat daripada perak dan tembaga bagi menghasilkan aksesori perak dan senjata parang *ilang*. Bangsa *memaloh* sememangnya mahir menghasilkan kerja tangan yang halus dan berseni dan sebagai upah, masyarakat Iban akan

memberikan mereka kain tenunan *pua* atau beras. Di samping itu, sesetengah masyarakat Iban akan memberikan mereka tempat tinggal sepanjang tempoh mereka mengerjakan aktiviti menempa tembaga dan perak. Disebabkan hubungan baik ini, masyarakat Iban tidak pernah melakukan ekspedisi *ngayau* atau mengganggu ketenteraman hidup bangsa *memaloh* kerana menghormati dan menganggap mereka sebagai saudara dekat.

## KESIMPULAN

Dalam masyarakat Iban, mereka menganggap warisan dan pusaka sebagai aspek budaya yang melambangkan identiti dan pengenalan diri. Warisan dalam konteks budaya masyarakat Iban adalah seperti artifak budaya, adat istiadat, pantang larang, seni lisan dan juga kemahiran tradisi, manakala pusaka pula lebih bersifat individu dan bersifat materialistik. Terdapat perbezaan di antara warisan dan pusaka Iban. Warisan lebih menjurus kepada artifak yang dibangunkan sendiri oleh masyarakat Iban melalui kepercayaan, kemahiran tradisi dan nilai estetika. Pusaka adalah lebih merujuk kepada pengumpulan harta yang dirasakan menarik, mewah dan diangkat darjatnya sebagai objek yang fungsional dalam budaya. Walau bagaimanapun, kedua-dua aspek ini adalah amat penting dalam budaya Iban dan diwariskan dari generasi ke generasi. Penyelidikan ini diharapkan dapat menjelaskan klasifikasi artifak budaya yang terdapat dalam masyarakat Iban di Sarawak. Di samping itu, ia mampu bertindak melestarikan artifak budaya yang menjadi ikon kepada masyarakat Iban agar tidak lupus ditelan zaman.

## PENGHARGAAN

Penghargaan ini ditujukan khas buat informan-informan yang ditemu bual dalam penyelidikan ini. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Dato' Sri Edmmund Langgu anak Saga, Pakar Budaya dan Tokoh Politik Iban, Lemambang Abang Anak Entarey (85 tahun), Pakar budaya dan salur galur Iban, Lemambang Ijau anak Buja (79 tahun), Pakar Budaya dan susur galur Iban, Jimbun anak Tawai (65 tahun), Penyelidik Majlis Adat Istiadat Pribumi Sarawak, Maria anak Liban (79 tahun), *Indu Ngar*, *Indu Takar* (penenun *pua* Iban) dan Helga Chermai anak Iri (60 tahun).

## **RUJUKAN**

- Arwan Tuti Artha & Heddy Shri Ahimsa Putra. (2004). *Jejak masa lalu: Sejuta warisan budaya*. Yogyakarta: Kunci Ilmu.
- Burhanuddin, A. (2015). *Warisan budaya, pelestarian dan pemanfaatannya*. Makassar: Universitas Hasanuddin.
- Davidson, G. (1991). *A heritage handbook*. New South Wales: Allen & Unwin.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1984). *Kamus Dewan* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Freeman, J. D. (1975). The Iban of Sarawak and their religion. *Sarawak Museum Journal*, 23, 275–288.
- Gavin, T. (1991). Kayau Indu: The warpath of women. *Sarawak Museum Journal*, XLII, 510.
- Mohd Farit Azamuddin Musa & Humin Jusilin. (2018). Ikonografi motif pada senjata tradisional gayang etnik Bajau Sama di Kota Belud. *Jurnal Kinabalu*, 24, 164–175.
- Muda, R. (2016). Harta pusaka Islam di Malaysia: Antara perundangan dan pentadbiran. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4, 1–10.
- Sullivan, A. M. (2016). Cultural heritage & new media: A future for the past. *The John Marshall Review of Intellectual Property Law*, 15, 604–645.
- Tugang, N. (2011). *Pua Kumbu identiti dan budaya dalam masyarakat Iban*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Tugang, N. (2016). Nakar: Peralihan status penenun Pua Iban. *Borneo Research Journal*, 10, 68–69.

## **Temu bual**

- Wawancara bersama Dato' Sri Edmmund Langgu anak Saga, 12 Ogos 2019, Kuching, Sarawak.
- Wawancara bersama Lemambang Abang anak Enterey (85 tahun), 14 Ogos, Kota Samarahan, Sarawak.
- Wawancara bersama Lemambang Ijau anak Buja (79 tahun), 11 September 2019, Rantau Kembayau Manis, Lubok Antu, Sarawak.
- Wawancara bersama Jimbun anak Tawai (65 tahun), 20 September 2019, Majlis Adat Istiadat Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak.
- Wawancara bersama Maria anak Liban (79 tahun), 14 Ogos 2019, Saratok, Sarawak.
- Wawancara bersama Helga Chermay anak Iri (60 tahun), 5 Januari 2019, Rantau Kiran, Nanga Medamit, Limbang, Sarawak.

